

08 DISEMBER 2017

2 penganggur dituduh miliki dadah

HARIAN METRO



NAZRI (tengah) dan Muhamad Hairi dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Pilah, semalam.

Kuala Pilah

2 penganggur dituduh miliki dadah

Dua penganggur berdepan hukuman gantung sampai mati selepas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan memiliki pelbagai jenis dadah, bulan lalu.

Tertuduh, Nazri Nizam Md Nor, 40, dan Muhamad Hairi Hamzah, 34, masing-masing mengangguk faham sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Nariman Badruddin.

Mengikut fakta kes, Nazri Nizam berdepan dua pertuduhan dengan pertama didakwa mengedar heroin seberat 752.75 gram di Kampung Jeram Tengkek, Batu Kikir jam 7 petang, 27 November lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa mengedar methamphetamnie seberat 52.70gram dengan kejadian, tarikh dan masa berlaku di tempat sama.

“Manakala Mohamad Hairi diidakwa mengedar heroin seberat 54.80 gram berdekatan belukar di lokasi sama pada jam 7.45 malam, 27 November,” katanya.